



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



**Universiti
Putra
Malaysia**



AGENDA 6.1 (d): Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2021

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO Tahun 2022

20 SEPTEMBER 2022 | 9.00 PAGI | MENERUSI APLIKASI ZOOM MEETING

 UniPutraMalaysia

 @uputramalaysia

 uniputramalaysia

 universitiputramalaysia

Laporan pencapaian objektif keselamatan maklumat merupakan salah satu input berkaitan maklum balas prestasi keselamatan maklumat yang perlu dilaporkan semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bagi memenuhi keperluan **Standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013** :

Klausa 9.3 (c) perkara 4 berhubung pencapaian objektif keselamatan maklumat



9.3 Kajian semula pengurusan

Pengurusan atasan hendaklah mengkaji semula sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi pada sela masa yang dirancang bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan yang berterusan.


Kajian semula pengurusan hendaklah mengandungi pertimbangan tentang:

- a) status tindakan daripada kajian semula pengurusan terdahulu;
- b) perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan maklumat;
- c) maklum balas tentang prestasi keselamatan maklumat, termasuk trend dalam:
 - 1) ketakakuran dan tindakan pembetulan;
 - 2) hasil pemantauan dan pengukuran;
 - 3) hasil audit; dan
 - 4) pencapaian objektif keselamatan maklumat;
- d) maklum balas daripada pihak berkepentingan;
- e) hasil pentaksiran risiko dan pelan penguraian risiko; dan
- f) peluang untuk penambahbaikan berterusan.

Output kajian semula pengurusan hendaklah merangkumi keputusan yang berkaitan dengan peluang penambahbaikan yang berterusan dan sebarang keperluan untuk perubahan dalam sistem pengurusan keselamatan maklumat.

Organisasi hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai bukti daripada hasil kajian semula pengurusan.

PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2021



PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2021

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2021	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian 2021 (Januari – Disember)
1.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	100% (UPM Serdang) 98% (UPM Bintulu)	Peratusan pelajar baharu yang membayar yuran secara atas talian	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	<p>UPM Kampus Serdang: 100% Kesemua 3641 pelajar baharu Bachelors bagi sesi pendaftaran pada 9-10 Oktober 2021 telah berjaya melaksanakan pembayaran yuran secara atas talian dengan selamat.</p> <p>UPM Kampus Bintulu: 100% Kesemua 558 orang pelajar baharu Diploma kemasukan 2-3 Ogos 2021 dan 225 orang pelajar baharu Bachelors kemasukan 9-10 Oktober 2021 telah berjaya melaksanakan pembayaran yuran secara atas talian dengan selamat.</p>
2.	Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 3 jam	Jumlah masa yang diambil untuk memulihkan sistem	Pasukan Pusat Data	Tiada gangguan sistem aplikasi yang terlibat semasa pendaftaran pelajar baharu yang berlaku pada 2 - 3 Ogos 2021 (Pelajar Diploma) dan 9-10 Oktober 2021 (Pelajar Bachelors).
3.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar memberi skor penilaian sekurang-kurangnya 4.00 pada skala Likert 5.00	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	81.47% Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua 2020/2021 dijalankan bermula 31 Mei – 30 Nov 2021. 945 daripada 1160 responden mencapai purata skor 4.00 dan ke atas.



Ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan diminta mengambil makluman dan perhatian berhubung:

1. **Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013** bagi tempoh Januari hingga Disember 2021; dan
2. Objektif Keselamatan Maklumat **dipantau dan diukur keberkesanannya 2 kali setahun** bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan tindakan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.







UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI




Terima Kasih

 UniPutraMalaysia

 @uputramalaysia

 uniputramalaysia

 universitiputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE